

Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab dalam Kemahiran Bertutur Pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM)

(Arabic Pronunciation Learning Strategies in the Speaking Skills of Students in Secondary Religious Schools)

Najah Nasuha Mohd Yunus^{1*}, Harun Baharudin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p113535@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: drharun.sarjana@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Najah Nasuha Mohd Yunus
(p113535@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Strategi
Pembelajaran
Sebutan
Kemahiran bertutur
Bahasa Arab

KEYWORDS:

Strategy
Learning
Pronunciation
Speaking skills
Arabic

CITATION:

Najah Nasuha Mohd Yunus, & Harun Baharudin. (2024). Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab dalam Kemahiran Bertutur Pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), e002780.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2780>

ABSTRAK

Sebutan yang betul dan jelas akan membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur. Dalam konteks bahasa Arab, kesilapan sebutan membawa kepada kesalahan dalam menyampaikan maksud perkataan tersebut, akhirnya mengakibatkan kekeliruan mesej. Oleh itu, pelajar harus memberi perhatian yang sewajarnya terhadap penggunaan strategi pembelajaran sebutan dalam pembelajaran dan pengajaran kemahiran bertutur di peringkat sekolah menengah lagi. Justeru, kertas ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan strategi pembelajaran sebutan bahasa Arab dalam kemahiran bertutur pelajar. Instrumen kajian menggunakan soal selidik dengan nilai kebolehpercayaan berada dalam julat 0.80 hingga 0.90. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan reka bentuk kajian tinjauan. Sampel kajian seramai 132 orang pelajar tingkatan empat dan lima di sekolah agama menengah (SAM) di daerah Sepang. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan min bagi menjelaskan persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan strategi pembelajaran sebutan bahasa Arab pelajar berada pada tahap sederhana ($M=2.59$). Pelaksanaan strategi pembelajaran sebutan bahasa Arab dilihat memberi impak positif kepada kemahiran bertutur pelajar. Pelajar perlu sedar tentang kewujudan strategi pembelajaran sebutan dan memilih strategi yang sesuai untuk dipraktikkan sebelum, semasa dan selepas mempelajari kemahiran bertutur.

ABSTRACT

Correct and clear pronunciation will help students improve their speaking skills. In the context of the Arabic language, mispronunciation leads to mistakes in convey the meaning of the word, ultimately resulting in message confusion.

Therefore, students should pay due attention to the use of pronunciation learning strategies in learning and teaching speaking skills at the secondary school level. Therefore, this paper aims to obtain information about the implementation of Arabic pronunciation learning strategies in students' speaking skills. The research instrument uses a questionnaire with a reliability value in the range of 0.80 to 0.90. This study uses a quantitative approach based on a survey research design. The study sample consisted of 132 fourth and fifth grade students at a secondary religious school (SAM) in Sepang district. Data were analysed using descriptive statistics, namely frequency, percentage and mean to explain the research question. The findings of the study show that the implementation of the Arabic pronunciation learning strategy of the students is at a moderate level ($M=2.59$). The implementation of Arabic pronunciation learning strategies is seen to have a positive impact on students' speaking skills. Students need to be aware of the existence of pronunciation learning strategies and choose the appropriate strategies to practice before, during and after learning speaking skills.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan dengan meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab melalui Strategi Penguasaan Sebutan (SPS) Segmental dan Suprasegmental.

1. Pengenalan

Kemahiran bertutur merangkumi kemahiran menyebut konsonan, perkataan, ayat dan ujaran di dalam bahasa Arab dengan betul dari aspek makhraj dan sifat huruf dan ia juga dikenali sebagai ciri segmental. Sebagai tambahan kepada ciri-ciri segmen, perhatian juga diberikan kepada ciri-ciri suprasegmental bahasa. Ciri suprasegmental merangkumi tekanan vokal atau tekanan perkataan, intonasi, jeda digunakan serta menyebut perkataan berdasarkan garis panjang dan pendek dalam perkataan untuk memisahkannya daripada unsur linguistik yang boleh mengubah maksud. Mempelajari bahasa Arab memerlukan teknik tersendiri bagi memudahkan pemahaman dan meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa tersebut. Oleh itu, dalam proses pembelajaran sebutan bahasa Arab memerlukan pelajar memilih strategi pembelajaran bagi memudahkan pelajar menguasai bahasa tersebut. Selain itu, mempelajari bahasa asing mempunyai kesukaran dalam proses pembelajarannya. Hal ini kerana bahasa tersebut bukanlah bahasa bagi penutur jati ([Baharuddin Shahman, 2012](#)). Oleh itu, kesukaran pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing pelajar di peringkat sekolah menengah memerlukan strategi pembelajaran yang tersusun dan diperkenalkan agar bahasa sasaran tersebut dapat dikuasai oleh setiap individu yang mempelajarinya.

1.1. Permasalahan Kajian

Penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab menekankan kepada kemampuan pelajar menyebut perkataan dengan sebutan yang betul, menyebut ayat dengan intonasi yang sesuai dengan situasi pertuturan dan menyebut dengan tekanan suara yang betul ([Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019](#)). [Harun \(2017\)](#) dalam konteks pembelajaran dan pengajaran sebutan bahasa Arab di Malaysia, guru dilihat tidak memberikan

perhatian khusus pada pengajaran fonologi dan elemen suprasegmental semasa PdP kerana beberapa faktor seperti guru perlu mengejar silibus pelajaran di samping masa PdP tidak mencukupi. Manakala dalam kajian [Kaseh Abu Bakar dan Muhammad Faiz \(2018\)](#), mendapati guru melaksanakan aktiviti PdP bahasa Arab tidak menitik beratkan aspek sistem suara. Kesannya kepada pelajar, mereka tidak menyebut perkataan bahasa Arab dengan betul dan tidak menggunakan intonasi yang betul apabila bertutur dan tidak menggunakan tekanan suara yang bersesuaian dengan perkataan ([Nazratul Aini et al., 2016](#)).

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti pelaksanaan strategi pembelajaran sebutan bahasa Arab dalam kemahiran bertutur pelajar di sekolah agama menengah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

[Oxford \(1990\)](#) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa sebagai satu teknik atau kaedah khusus untuk mewujudkan sesi pembelajaran bahasa lebih kreatif dan menyeronokkan, mudah dipelajari serta lebih cepat menguasai sesuatu bahasa. SPB lebih berfokuskan pembelajaran penerokaan (kendiri) yang dilihat lebih memberikan kesan dan mudah dipraktikkan oleh pelajar bersesuaian dengan situasi baharu ([Oxford, 1990](#)). Manakala, [Faerch dan Kasper \(1984\)](#) mendefinisikan SPB sebagai satu usaha bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang bahasa dan keupayaan sociolinguistik bagi merealisasikan tujuan pembelajaran bahasa. SPB juga dilihat dari sudut tingkah laku khusus yang dipraktikkan oleh pelajar bertujuan untuk mempelajari dan menyimpan maklumat baharu serta memahami sesuatu bahasa yang dipelajarinya ([O'Malley & Chamot, 1990](#)). Oleh itu, sebagai rumusan strategi pembelajaran bahasa merupakan satu teknik yang sistematik dan berbentuk terarah yang dipraktikkan oleh individu dalam meningkatkan penguasaan isi pembelajaran atau sesuatu kemahiran serta dapat dipraktikkan bagi memantapkan lagi kecekapan dalam berkomunikasi, menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian dan menggalakkan pembelajaran sendiri. Pelajar di semua peringkat dan tahap pendidikan menggunakan pelbagai strategi ketika mempelajari bahasa asing. Namun begitu, perbezaan mereka adalah terletak pada cara penggunaan strategi pembelajaran bahasa seperti pemilihan jenis strategi dan kekerapan penggunaannya ([Kamarul Shukri et al., 2009](#)).

2.2. Strategi Pembelajaran Sebutan (SPS)

Bagi merealisasikan usaha menguasai ciri segmental dan suprasegmental dengan lebih cepat dan menarik, strategi pembelajaran sebutan perlu dipraktikkan oleh pelajar ([Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019](#)). [Oxford \(1990\)](#) mendefinisikan strategi pembelajaran sebutan (SPS) sebagai satu kaedah berfokus yang dilaksanakan oleh pelajar bagi mewujudkan pembelajaran bahasa yang lebih mudah dipelajari, menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan, pembelajaran lebih teratur dan sistematik, berorientasikan pembelajaran sendiri, lebih cepat serta sangat berkesan apabila pelajar berada dalam situasi yang baharu. Selari dengan definisi oleh [Oxford \(1990\)](#), dapat disimpulkan SPS merupakan satu langkah khusus yang boleh dipraktikkan oleh pelajar untuk menjadikan pembelajaran sebutan lebih mudah, cepat, menarik, berbentuk sendiri dan memberikan impak positif yang dapat digunakan ketika mempelajari bahasa Arab

sebagai bahasa asing. Dalam pembelajaran bahasa Arab pemilihan strategi pembelajaran perlu diberi penekanan yang serius agar pembelajaran mudah dikuasai di samping pelajar dapat melatih diri dalam kepelbagaian kosa kata, fonologi dan ungkapan bahasa Arab. Impaknya, pelajar dapat berkomunikasi bersama guru dan rakan serta menggunakan bahasa Arab bukan sahaja di dalam kelas bahkan sebagai bahasa pengantar di sekolah (Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019).

Ahmad Fared dan Mohammad Seman (2019) dalam kajiannya, menyatakan penguasaan pelajar dalam sebutan bahasa Arab yang baik dapat dihasilkan dengan mempraktikkan strategi pembelajaran sebutan. Dalam kajian tersebut telah mencadangkan penggunaan strategi pembelajaran sebutan yang boleh dipraktikkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat pelaksanaan strategi-strategi tersebut yang kerap dipraktikkan oleh pelajar. Strategi yang dicadangkan terbahagi kepada tiga tahap pembelajaran iaitu strategi sebelum mempelajari sebutan, strategi ketika mempelajari sebutan dan strategi setelah mempelajari sebutan.

2.3. Strategi Sebelum Pembelajaran Sebutan

Persediaan dan kesediaan pelajar sebelum memulakan pembelajaran merupakan faktor penting untuk berjaya dalam menguasai sebutan. Ahmed Fared dan Mohammad Seman (2019), menyatakan pelajar hendaklah berada dalam keadaan yang sihat terutamanya berkaitan organ pendengaran seperti telinga dan organ artikulasi. Pendengaran yang baik membantu pelajar merakam bunyi konsonan Arab, tekanan suku kata dan suara yang jelas serta organ artikulasi yang sihat dapat membantu pelajar meniru semula dan mengulang bunyi yang dirakam dengan menggunakan makhras yang betul. Selain itu, untuk membina keyakinan sebelum memulakan pembelajaran sebutan, pelajar perlu menggalakkan diri untuk mempertingkatkan latihan menyebut. Pelajar perlu sentiasa ingat bahawa menguasai aspek sebutan dalam kemahiran bertutur adalah penting terutamanya dalam mempelajari bahasa kedua. Pelajar boleh menetapkan ganjaran kepada diri setelah berjaya mempelajari dan memperbanyakkan doa supaya pembelajaran sebutan menjadi semakin mudah. Pelajar perlu sentiasa sedar bahawa kesalahan sebutan bahasa Arab adalah perkara biasa yang berlaku bagi bukan penutur asli.

2.4. Strategi Semasa Pembelajaran Sebutan

Terdapat beberapa strategi yang dicadangkan dalam kajian Ahmad Fared & Mohammad Seman (2019) boleh dipraktikkan secara sendiri, kumpulan bersama rakan atau guru semasa pembelajaran sebutan. Antara strategi yang dinyatakan dalam kajian Ahmad Fared dan Mohammad Seman (2019) adalah pelajar menyediakan nota semasa pembelajaran sebutan bahasa Arab dan sentiasa fokus semasa sesi pembelajaran di dalam bilik darjah. Pelajar juga boleh mewarnakan atau meletakkan tanda tertentu pada huruf, perkataan dan ayat bagi mengingati bunyi sebutan, intonasi serta baris panjang dan pendek. Dalam kajian Ahmad Fared dan Mohammad Seman (2019) menyatakan bagi memudahkan pelajar mengingati cara menyebut huruf, mereka boleh melukis atau membuat lakaran organ artikulasi dan meletakkan huruf di tempat keluar bunyi pada organ artikulasi tersebut. Pelajar boleh mengaitkan bunyi huruf dengan situasi atau sesuatu yang dekat dengan persekitaran mereka sebagai contoh menyebut huruf ح seperti kepedasan (Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019). Selain itu, pelajar boleh merakam sendiri sebutan huruf, perkataan dan ayat dengan menyebut sendiri perkataan atau ayat kemudian memperdengarkan semula rakam (Ahmad Fared & Mohammad

[Seman, 2019](#)). Seterusnya pelajar perlu membuat perbandingan rakaman sebutan mereka dengan cara sebutan guru atau sebutan dari penutur jati. Pelajar juga boleh mendengar rakaman audio atau video sebutan huruf, perkataan dan ayat oleh guru atau penutur jati kemudian meniru semula cara sebutan dengan suara yang kuat. Pelajar digalakkan membaca teks bahasa Arab dengan suara yang kuat dan memfokuskan sebutan huruf, perkataan berdasarkan teks yang dibaca. [Ahmad Fared dan Mohammad Seman \(2019\)](#) menyatakan bahawa kaedah membaca dengan kuat dapat membantu dan memudahkan pelajar untuk menilai semula sebutan mereka. Pelajar juga boleh meminta guru, rakan atau penutur jati memberi respons atau maklum balas tentang intonasi suara dan cara sebutan mereka. Pelajar digalakkan untuk sentiasa membuat latihan menyebut huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab di hadapan cermin dengan memberi perhatian terhadap perubahan gaya pergerakan organ artikulasi semasa menyebut huruf dan perkataan. Selain itu, pelajar boleh melakukan aktiviti komunikatif seperti main peranan atau lakon semula bagi tujuan latihan menyebut, menggunakan intonasi yang betul serta tekanan suara ([Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019](#)). Pelajar juga boleh mempraktikkan perkataan atau ayat yang telah dipelajari semasa situasi perbualan dan berdialog supaya intonasi dan tekanan di pelbagaikan. Kini, sistem pembelajaran lebih berfokuskan pembelajaran sendiri. Terdapat pelbagai kaedah dan sumber untuk pelajar meneroka isi pembelajaran terutamanya dalam bidang sebutan. Oleh itu, pelajar boleh membuat pencarian di laman sesawang untuk menonton rancangan atau video Arab, mendengar radio atau *podcast* Arab sambil meniru semula cara sebutan, tekanan suara dan intonasi yang betul. Di samping pelajar melaksanakan strategi tersebut mereka juga perlu menghayati dan mendalami budaya Arab ([Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019](#)). Penghayatan yang baik dapat membantu pelajar mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik. Sebagai contoh murid meniru gaya orang Arab mengungkap dan berbual ketika situasi di meja makan, semasa membeli barang di kedai atau situasi di persekitaran sekolah.

2.5. Strategi Selepas Pembelajaran Sebutan

Bagi memastikan pengetahuan dalam aspek sebutan dipraktikkan oleh pelajar selepas pembelajaran sebutan bahasa Arab, beberapa strategi perlu diberikan tumpuan selepas sesi pembelajaran. Dalam kajian [Ahmad Fared dan Mohammad Seman \(2019\)](#) mencadangkan aktiviti seperti mengulang kaji pelajaran sebutan, loghat, intonasi dan pergerakan perlu dilaksanakan oleh pelajar. Kaedah tersebut bertujuan untuk memastikan isi pembelajaran tidak hilang dan kekal. Di samping itu, pelajar digalakkan untuk terus mencari dan meneroka di laman sesawang untuk mendapatkan bahan-bahan baharu yang boleh digunakan untuk mendalami aspek sebutan seperti membaca keratan akhbar atau berita bahasa Arab secara atas talian, mendengar dan menyanyikan lagu-lagu Arab yang menggunakan laras bahasa standard, puisi dan syair Arab. Pelajar boleh menggunakan bahan tersebut serta mempraktikkan bagi tujuan melatih cara sebutan, intonasi, loghat dan pergerakan dengan lebih berkesan. Pelajar juga harus sentiasa mencari peluang untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Arab bersama rakan di dalam bilik darjah, bersama guru selepas PdP dan bersama penutur asli di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Pelajar juga perlu membuat penilaian terhadap tahap sebutan huruf, perkataan dan ayat di samping membuat refleksi sendiri selepas mempelajari sesuatu sebutan.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai ([Sabitha, 2006](#)). Kajian tinjauan dijalankan menggunakan soal selidik berbentuk tertutup untuk mendapatkan jawapan yang berbeza dan mudah dibandingkan serta mudah ditadbir kepada jumlah yang besar, membantu responden menumpukan kepada objek yang dikaji dan melicinkan proses penjadualan dan penganalisan data. Kaedah ini bersesuaian dengan kajian ini kerana jumlah sampel yang besar.

3.2. Sampel Kajian

Pensampelan dilaksanakan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#) secara rawak mudah. Seramai 132 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian bagi mewakili 200 orang populasi pelajar tingkatan empat dan lima di dua buah sekolah menengah agama menengah (SAM) di daerah Sepang. Sekolah Agama Menengah merupakan sebuah sekolah agama negeri yang ditadbir oleh Jabatan Agama Islam (JAIS). Sekolah ini berada di bawah seliaan BPI, KPM. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan kepada pelajar sekolah tersebut kerana menawarkan mata pelajaran bahasa Arab.

3.3. Pengumpulan Data

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik adaptasi dari cadangan strategi pembelajaran sebutan bahasa Arab dalam kemahiran bertutur dari [Ahmed Fared dan Mohammad Seman \(2019\)](#) bagi mengukur strategi pembelajaran sebutan bahasa arab yang dipraktikkan oleh pelajar sebelum, semasa dan selepas mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Item soal selidik yang digunakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu; bahagian (A) tiga item maklumat demografi responden sekolah, jantina dan umur; bahagian (B) 21 item soalan yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu strategi sebelum, semasa dan selepas pembelajaran sebutan.

Penyelidik memilih soal selidik menggunakan *likert-type scale* mata 4 (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju kerana lebih tepat dan jitu ([Ankur et al., 2015](#)). Hal ini kerana skala likert mata 5 mempunyai neutral ditengah-tengah yang menyebabkan berlakunya konflik dalam penentuan min dalam kajian. Selain itu, menggunakan skala likert mata 4 soal selidik akan lebih meyakinkan dan responden tidak memberikan jawapan 'tidak pasti' yang tidak memberikan makna kepada dapatan kajian.

3.4. Kebolehpercayaan Kajian

Nilai kebolehpercayaan yang tinggi melalui nilai *Alpha Cronbach* bagi kajian ini harus melebihi 0.65 hingga 0.95 ([Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016](#)). Nilai *alpha cronbach* bagi ketiga-tiga strategi pembelajaran sebutan adalah seperti [Jadual 1](#). Berdasarkan [Jadual 1](#), nilai *alpha cronbach* bagi ketiga-tiga strategi pembelajaran ini, nilai kebolehpercayaan di antara 0.80 dan 0.90 berada pada tahap tinggi.

Jadual 1: Nilai *alpha cronbach* Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab

Strategi Pembelajaran Sebutan	Nilai <i>alpha cronbach</i>
Sebelum	0.84
Semasa	0.90
Selepas	0.80

3.5. Analisis Data

Analisis data kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 28. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk menjawab persoalan kajian. Data-data yang dianalisis seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah deskriptif mudah iaitu dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi set soal selidik pelaksanaan strategi pembelajaran sebutan dalam kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar. Bagi tujuan interpretasi data pelaksanaan strategi pembelajaran sebutan dalam kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar, skor min yang diperoleh dikod kepada tiga tahap; rendah, sederhana dan tinggi (Pallant, 2007).

Manakala berdasarkan [Jadual 2](#), interpretasi peratusan skor bagi kajian ini merujuk interpretasi skor peratusan daripada Tuckman (1999) seperti dalam [Jadual 3](#).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Sebutan Dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2007)

Jadual 3: Interpretasi Skor Peratusan Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Sebutan Dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Interpretasi Skor Peratusan	
Rendah	0 hingga 49
Sederhana	50 hingga 74
Tinggi	75 hingga 100

Sumber: Tuckman (1999)

4. Hasil Kajian

4.1. Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 21 item soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu empat soalan sebelum pembelajaran, 13 soalan semasa pembelajaran dan empat soalan selepas pembelajaran telah digunakan untuk menilai strategi pembelajaran sebutan bahasa Arab pelajar. Hasil analisis secara terperinci dipaparkan melalui [Jadual 4](#).

[Jadual 4](#) menunjukkan data keseluruhan dapatan kajian bagi kategori strategi utama pembelajaran sebutan bahasa Arab berada pada tahap sederhana ($M=2.59$). Dapat dirumuskan, item-item strategi membentuk strategi yang paling kerap digunakan oleh

pelajar iaitu mempraktikkan 12 daripada 21 strategi pada peratus yang tinggi berbanding peratus tidak mempraktikkan sebanyak 9 strategi. Berikut merupakan analisis terperinci dipaparkan melalui jadual-jadual mengenai pecahan strategi sebelum, semasa dan selepas pembelajaran sebutan dalam kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar.

Jadual 4: Strategi sebelum,semasa dan selepas pembelajaran sebutan bahasa Arab

Strategi Pembelajaran Sebutan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Sebelum	2.96	0.501	Sederhana
Semasa	2.19	0.648	Sederhana
Selepas	2.61	0.527	Sederhana
Min Keseluruhan	2.59	0.388	Sederhana

Jadual 5 menunjukkan strategi sebelum pembelajaran sebutan bahasa Arab yang dipraktikkan oleh pelajar. Dapatan menunjukkan strategi SE1 sebelum memulakan pembelajaran sebutan bahasa Arab adalah 85% pelajar mempraktikkan strategi berkaitan dengan “memastikan berada di dalam keadaan sihat tubuh badan (mulut, bibir, tekak dan lidah) sebelum memulakan pembelajaran”. Manakala item SE2 sebanyak 83% pelajar mempraktikkan dan melaksanakan strategi berkaitan “sentiasa memberikan galakan kepada diri sendiri sebelum pembelajaran menguasai sebutan bahasa Arab”. Bagi item SE3, peratusan tertinggi sebanyak 54% pelajar kurang mempraktikkan strategi berkaitan “menyediakan hadiah atau memberikan pujian kepada diri sendiri sekiranya saya dapat menguasai pembelajaran sebutan bahasa Arab”. Item SE4 pula sebanyak 88% pelajar mempraktikkan strategi “sentiasa berdoa dan menunaikan solat agar dipermudahkan pembelajaran sebutan bahasa Arab”. Dapat disimpulkan, interpretasi skor peratus berada pada tahap tinggi bagi item mempraktikkan strategi sebelum pembelajaran sebutan iaitu item SE1 85%, SE2 83% dan SE4 88%.

Jadual 5: Strategi Sebelum Pembelajaran Sebutan

Item	Pernyataan	(n)	%	(n)	%
		STS/TS	S/SS		
SE1	Memastikan berada dalam keadaan sihat tubuh badan (mulut, bibir, tekak dan lidah) sebelum memulakan pembelajaran	20	15	112	85
SE2	Sentiasa memberikan galakan kepada diri sendiri	22	17	110	83
SE3	Menyediakan hadiah atau memberikan pujian kepada diri sendiri sekiranya dapat menguasai pembelajaran sebutan bahasa Arab	71	54	61	46
SE4	Sentiasa berdoa dan menunaikan solat	16	12	116	88

Keseluruhan Min: 2.96

Sisihan Piawai: .501 Tahap: Sederhana

Jadual 6 menunjukkan strategi semasa pembelajaran sebutan bahasa Arab yang dipraktikkan oleh pelajar. Dapatan menunjukkan, SM1 74% pelajar mempraktikkan strategi pertama semasa pembelajaran sebutan bahasa Arab berkaitan menyediakan nota semasa pembelajaran. Strategi kedua SM2, sebanyak 83% pelajar mempraktikkan strategi sentiasa fokus semasa sesi pembelajaran di dalam bilik darjah. Item keempat

peratus tertinggi SM4 75% pelajar kurang mempraktikkan strategi berkaitan melukis dan membuat lakaran organ artikulasi dan meletakkan huruf di tempat keluar huruf. Strategi kelapan, peratus tertinggi sebanyak SM8 72% pelajar mempraktikkan strategi membaca teks bahasa Arab dengan suara yang kuat. Manakala bagi strategi keenam SM6, peratus tertinggi pada item kurang mempraktikkan iaitu 78% pelajar kurang melaksanakan aktiviti merakam sendiri sebutan huruf, perkataan dan ayat kemudian memperdengarkan semula rakam. Bagi strategi kesepuluh SM10, peratus tertinggi berada pada item kurang mempraktikkan iaitu sebanyak 74% pelajar kurang membuat latihan menyebut huruf, perkataan dan ayat di hadapan cermin. Strategi terakhir SM13 sebanyak 70% pelajar iaitu pada strategi mendalami dan menghayati budaya Arab seperti meniru orang Arab berbual di situasi meja makan atau semasa membeli barang di kedai kurang dipraktikkan oleh pelajar. Dapat disimpulkan, sebanyak 7 strategi semasa pembelajaran sebutan bahasa Arab kurang dipraktikkan oleh pelajar manakala 6 daripada strategi tersebut dipraktikkan oleh para pelajar.

Jadual 6: Strategi Semasa Pembelajaran Sebutan

Item	Pernyataan	(n) %		(n) %	
		STS/TS	S/SS	STS/TS	S/SS
SM1	Menyediakan nota semasa pembelajaran sebutan bahasa Arab	34	26	98	74
SM2	Sentiasa fokus semasa sesi pembelajaran di dalam bilik darjah	22	17	110	83
SM3	Mewarnakan atau meletakkan tanda tertentu ada huruf, perkataan dan ayat bagi mengingati bunyi sebutan	39	29	93	71
	Melukis dan membuat lakaran organ artikulasi dan meletakkan huruf di tempat keluar huruf	99	75	33	25
SM4	Mengaitkan bunyi huruf dengan situasi atau sesuatu yang dekat dengan persekitaran saya	59	45	73	55
SM5	Merakam sendiri sebutan huruf, perkataan dan ayat kemudian memperdengarkan semula rakam	103	78	29	22
SM6	Mendengar rakaman audio atau video sebutan huruf, perkataan dan ayat oleh guru atau penutur jati kemudian meniru semula cara sebutan yang betul	70	53	62	47
SM7	Membaca teks bahasa Arab dengan suara yang kuat	37	28	95	72
SM8	Meminta guru atau penutur jati memberi respon atau maklum balas tentang cara sebutan saya	65	49	67	51
SM9	Kerap membuat latihan menyebut huruf, perkataan dan ayat di hadapan cermin	98	74	34	26
SM10	Melaksanakan aktiviti lakonan dan perbualan bagi mengingati sebutan yang sukar	79	60	53	40
SM11	Menonton rancangan atau video Arab, mendengar radio atau podcast sambil meniru semula sebutan	77	58	55	42
SM12	Mendalami dan menghayati budaya Arab seperti meniru orang Arab berbual di situasi meja makan atau semasa membeli barang di kedai	92	70	40	30

Keseluruhan Min: 2.19

Sisihan Piawai: .648

Tahap: Sederhana

Jadual 7 menunjukkan strategi selepas pembelajaran sebutan bahasa Arab yang dipraktikkan oleh pelajar. Dapatan menunjukkan, SL1 66% pelajar mempraktikkan strategi pertama selepas pembelajaran sebutan bahasa Arab iaitu pelajar sering mengulang kaji dan membuat latihan pembelajaran sebutan selepas mempelajarinya di kelas. Bagi strategi kedua SL2, sebanyak 68% pelajar mempraktikkan strategi meneroka dan mencari di laman sesawang (Internet) untuk mendapatkan bahan-bahan baru. Namun pada strategi ketiga SL3, 53% pelajar kurang mempraktikkan strategi mencari peluang untuk bercakap dan berkomunikasi menggunakan bahasa Arab bersama rakan, guru dan penutur asli. Strategi terakhir SL4 iaitu strategi membuat penilaian dan refleksi terhadap pembelajaran sebutan selepas mempelajari sesuatu sebutan, sebanyak 57% pelajar mempraktikkan strategi tersebut. Dapat disimpulkan, item SL1, SL2 dan SL4 merupakan strategi yang kerap dipraktikkan selepas pembelajaran sebutan bahasa Arab oleh para pelajar.

Jadual 7: Strategi Selepas Pembelajaran Sebutan

Item	Pernyataan	(n) %		(n) %	
		STS/TS	S/SS	STS/TS	S/SS
SL1	Mengulang kaji dan membuat latihan pembelajaran sebutan selepas mempelajarinya di kelas	45	34	87	66
SL2	Meneroka dan mencari di laman sesawang (Internet) untuk mendapat bahan-bahan baru	42	32	90	68
SL3	Mencari peluang untuk bercakap dan berkomunikasi menggunakan bahasa Arab bersama rakan, guru dan penutur asli	70	53	62	47
SL4	Membuat penilaian dan refleksi terhadap pembelajaran sebutan selepas mempelajari sesuatu sebutan	57	43	75	57
Keseluruhan Min: 2.61					
Sisihan Piawai: .527					
Tahap: Sederhana					

Mengaplikasikan strategi pembelajaran bertutur dapat menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah, cepat, menyeronokkan dan lebih berdikari serta dapat memberikan kesan positif yang boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Pada peringkat sebelumnya, strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar ialah berdos dan solat secara berkala bagi memudahkan pembelajaran bahasa Arab. Oleh kerana responden adalah pelajar agama, maka strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar ialah strategi berkaitan kerohanian atau strategi metafizik. Dapatan kajian ini diharapkan pelajar agama sering diajar menggunakan kaedah agama dalam pengajian mereka. Kajian ini disokong oleh kajian [Abu Talib \(1998\)](#) dan [Zamri \(2004\)](#) tentang pembelajaran bahasa Melayu. [Abu Talib \(1998\)](#) membuat kesimpulan daripada pelbagai kajian bahawa pelajar menggunakan strategi ini pada tahap tinggi, manakala pelajar menggunakannya pada tahap sederhana. Beliau menyenaraikan strategi sebagai strategi kerohanian yang terdiri daripada dua perkara: menyembah Tuhan dan berusaha untuk berjaya melalui agama dalam bahasa Melayu. Bidang agama yang ditemui termasuklah membaca ayat Al-Quran, berdoa sebelum belajar dan peperiksaan, berdoa sepanjang masa. Seterusnya strategi kedua tertinggi adalah pelajar kerap menggunakan strategi memastikan organ yang terlibat dalam kemahiran bertutur berada dalam keadaan yang sihat terutamanya berkaitan organ pendengaran seperti telinga dan organ artikulasi yang melibatkan mulut, bibir, tekak, langit dan lidah. Pendengaran yang baik membantu pelajar merakam bunyi konsonan Arab, tekanan suku kata dan tekanan dengan jelas serta organ artikulasi yang sihat dapat membantu pelajar meniru semula dan mengulang bunyi yang dirakam dengan menggunakan

makhraj yang betul (Ahmad Fared & Mohammad Seman, 2019). Kemudian diikuti strategi pelajar memberikan galakan kepada diri sebelum pembelajaran sebutan bahasa Arab. Untuk membina keyakinan sebelum memulakan pembelajaran sebutan, pelajar perlu menggalakkan diri untuk mempertingkatkan latihan menyebut. Ini penting kerana ia dapat meningkatkan pembelajaran, minat dan persaingan sihat dalam kalangan pelajar, sekali gus menggalakkan pelajar melihat pertuturan sebagai satu bidang yang menarik dan mendatangkan kepuasan kepada mereka. Oleh itu, persediaan belajar adalah persediaan yang perlu sebelum bekerja.

Manakala kategori strategi semasa pembelajaran, strategi yang paling kerap dipraktikkan adalah strategi sentiasa fokus terhadap pembelajaran kemahiran bertutur di dalam bilik darjah. Pelajar sebelum ini tidak didedahkan dengan strategi pembelajaran sebutan yang pelbagai, oleh itu mereka lebih memilih untuk memberikan tumpuan sepenuhnya di dalam bilik darjah. Seterusnya strategi kedua tertinggi dalam strategi semasa pembelajaran adalah pelajar menyediakan nota semasa pembelajaran sebutan. Penyediaan nota membantu pelajar menggunakan minda dengan lebih sistematik dan berkesan terutama ketika mempelajari kemahiran bertutur. Ia boleh diaplikasikan bagi menggambar huruf dengan tempat keluar huruf serta membolehkan pelajar mengingat sebutan huruf dan perkataan Arab dengan mudah. Penyediaan nota hanya menggunakan kata kunci dan imej di mana ia dapat membantu pelajar lebih mengingat kerana setiap individu dapat mengingat pada sesuatu perkara yang mudah dilihat. Strategi ketiga tertinggi adalah pelajar menggunakan strategi membaca teks bahasa Arab dengan suara yang kuat bagi mengingat sebutan yang betul. Kaedah membaca dengan kuat dapat membantu dan memudahkan pelajar untuk menilai semula sebutan mereka.

Seterusnya strategi selepas pembelajaran sebutan, terdapat tiga strategi yang paling kerap dipraktikkan iaitu strategi meneroka dan mencari di laman sesawang (Internet) untuk mendapatkan bahan-bahan baru. Kini, sistem pembelajaran lebih berfokuskan pembelajaran sendiri. Pelbagai kaedah dan sumber untuk pelajar meneroka isi pembelajaran terutamanya dalam bidang sebutan. Oleh itu, pelajar boleh membuat pencarian di laman sesawang untuk menonton rancangan atau video Arab, mendengar radio atau *podcast* Arab sambil meniru semula cara sebutan, tekanan suara dan intonasi yang betul. Selain itu, strategi pembelajaran sebutan yang kerap dipraktikkan oleh pelajar adalah mereka sering mengulang kaji dan membuat latihan pembelajaran sebutan seperti sebutan, loghat, intonasi dan pergerakan selepas mempelajarinya di kelas. Kaedah tersebut bertujuan untuk memastikan isi pembelajaran tidak hilang dan kekal. Seterusnya strategi yang kerap digunakan selepas pembelajaran sebutan adalah pelajar kerap membuat penilaian dan refleksi terhadap pembelajaran sebutan. Strategi tersebut dapat membantu pelajar mengenal pasti setiap kelemahan dan membuat penambahbaikan selepas mempelajari sebutan dalam kemahiran bahasa Arab secara tidak langsung pelajar dapat merancang semula strategi dan kaedah yang perlu diambil bagi mengatasi kelemahan tersebut. Selain itu, amalan menulis refleksi setiap kali selepas mempelajari kemahiran bertutur dapat menjana idea baru atau alternatif cadangan dan tindakan untuk memperbaiki sebutan bahasa Arab mereka.

5. Kesimpulan

Pelajar perlu diberi kesedaran tentang kepentingan penggunaan strategi pembelajaran sebutan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur dan galakan yang berterusan dari orang sekeliling bagi meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Guru

bahasa Arab juga perlu memainkan peranan untuk mendorong pelajar mempelajari dan mendalami bahasa Arab dengan semaksimal mungkin. Sekaligus keadaan ini mampu memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab secara dua hala. Kekekapan penggunaan strategi pembelajaran sebegini memberi kesan kepada kemahiran bertutur dan pelajar perlu memupuk sikap berani bercakap, membina keyakinan diri dan menghilangkan rasa malu apabila melakukan kesalahan sewaktu berkomunikasi. Oleh itu, penggunaan strategi pembelajaran sebutan yang sederhana ini perlu dipertingkatkan lagi oleh pelajar sesuai dengan tahap pembelajaran mereka yang kini berada di tingkatan Empat dan Lima di SABK. Hasrat KPM bagi memperkasa keupayaan dan kemahiran menguasai pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab dalam kalangan pelajar menjadi antara fokus utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025. Hal ini sejajar dengan kajian yang telah dijalankan oleh [Ahmad Fared & Mohammad Seman \(2019\)](#) yang menegaskan bahawa kemahiran bertutur bahasa Arab bermula dengan penguasaan sebutan yang baik membolehkan pertuturan pelajar difahami dan dalam masa yang sama dapat memudahkan pendengar. Dapatan kajian ini mengemukakan cadangan yang wajar dipertimbangkan oleh penyelidik seterusnya sebagai kajian lanjutan iaitu kajian ini dijalankan ke atas pelajar bahasa Arab SABK yang berada di daerah sebarang dalam negeri Selangor sahaja. Justeru dicadangkan kajian berikutnya dijalankan dan diperluas ke atas pelajar dari daerah- daerah lain sebagai peserta kajian.

Penguasaan sebutan yang baik membolehkan pelajar memahami pertuturan dan pada masa yang sama memahami pendengar. Namun begitu, tidak semua pelajar menguasai sebutan dengan baik dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, peranan strategi pembelajaran sebutan adalah sangat penting dan relevan dalam konteks ini. Dapat disimpulkan, tumpuan harus diberikan kepada penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai untuk menguasai kemahiran bertutur apabila mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing. Bagi menggunakan strategi dengan berkesan, pelajar perlu sedar tentang kewujudan strategi pembelajaran sebutan dan memilih strategi yang sesuai untuk mereka praktikkan semasa mempelajari kemahiran bertutur. Selain itu, pelajar yang mempunyai sebutan yang lemah dinasihatkan supaya sentiasa merujuk kepada guru dan melatih diri untuk sentiasa menggunakan strategi pembelajaran sebutan. Malah, usaha ini dapat membantu meningkatkan kemahiran sebutan pelajar yang lemah. Untuk mencapai tahap kemahiran bahasa yang baik terutamanya dalam kemahiran bertutur, pelajar mesti menggunakan pelbagai strategi pembelajaran sebutan yang berkesan.

Pelajar digalakkan untuk terus mencari dan meneroka di laman sesawang untuk mendapatkan bahan-bahan baharu yang boleh digunakan untuk mendalami aspek sebutan seperti membaca keratan akhbar atau berita bahasa Arab secara atas talian, mendengar dan menyanyikan lagu-lagu Arab yang menggunakan laras bahasa standard, puisi dan syair Arab. Pelajar boleh menggunakan bahan tersebut serta mempraktikkannya bagi tujuan melatih cara sebutan, intonasi, loghat dan pergerakan dengan lebih berkesan. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa ramai pelajar menghadapi masalah yang sama iaitu kesukaran ketika berkomunikasi menggunakan bahasa Arab. Oleh yang demikian, pelajar disarankan untuk sedar tentang strategi pembelajaran sebutan disamping pelajar meneroka strategi yang boleh dipraktikkan bagi meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran bertutur. Justeru, penyelidik percaya bahawa kepentingan kemahiran bertutur pelajar memerlukan kepada pemilihan strategi pembelajaran sebutan serta pendekatan pembelajaran yang berkesan supaya pelajar dapat menguasai kemahiran bertutur dengan baik.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penyelidik tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Daerah Johor Bahru*. [Projek Sarjana Pendidikan], Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Fared & Mohammad Seman. (2019). Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Melalui Strategi Penguasaan Sebutan (SPS) Segmental dan Suprasegmental. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1), 85-99.
- Ankur Joshi, Saket Kale, Satish Chandel & D.K. Pal. (2015). Likert Scale: Explored and Explained. *British Journal of Applied Science & Technology*, 7(4), 396-403.
- Baharuddin Shahman. (2012). *Analisis kontrastif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu*. Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Universiti Malaya.
- Faerch, C., & Kasper, G. (1984). Two ways of defining communication strategies. *Language Learning*, 34(1), 45-63.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Baharudin. (2017). *Strategi Pengajaran Sebutan Dalam Pendidikan Bahasa*. Pelita Bahasa 17-19.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi Dengan Motivasi (The Correlation Between Language Learning Strategies and Motivation). *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 109-123.
- Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz Abdullah. (2018). Tekanan Perkataan Arab Sebagai Bahasa Asing dalam kalangan Penutur Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 87-105.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Education and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Nazratul Aini Ramli, Che Radiah Mezah, & Ngee Thai Yap. (2016). Penguasaan Pelajar

- Melayu Terhadap Tekanan Suara Menyebut Perkataan Arab Dari Sudut Intensiti. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1), 110–123.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A. U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge, U.K.: Cambridge University Press, England.
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publishers.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step-by-Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Third Edition. Allen & Unwin.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Penerbit Edusystem Sdn. Bhd.
- Tuckman, B. (1999). *Conducting Educational Research*. Harcourt Brace College Publishers, FortWorth.
- Zamri Mahamod. (2004). *Strtegi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. [Tesis Dr. Falsafah], Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.